

Sazali kukuhkan harapan Kelantan

22 OCT 1988

A. Harlan (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PENYERTAAN pesilat kebangsaan, Sazali Said, mengukuhkan harapan Kelantan untuk memenangi sekurang-kurang lima pingat emas di Kejohanan Sukan Malaysia dari 12 hingga 19 November ini.

Turut disenaraikan ialah dua pemenang pingat gangsa kejohanan kebangsaan '88, Zulkifli Shafie bagi Kelas E dan Tuan Zailani Tuan Soh (B), Kamaruzaman Yaacob pula, yang kecundang kepada pesilat negara, Zakri Ibrahim, juga diberi kepercayaan.

Ketua jurulatih silat negeri itu, Mohd Noor Mahmud, berkata berdasarkan latihan pusat tiga kali seminggu, harapan untuk memenangi lebih banyak pingat cerah.

Kecuali Tuan Zailani, semua 12 pesilat menjalani latihan pusat itu. Tuan Zailani sudah diarahkan menjalani latihan secara persendirian di Maktab Perguruan Ipoh.

Katanya: "Saya percaya Tuan Zailani dapat bersama skuad Kelantan, sebaik sahaja maktab perguruan itu bercuti awal bulan depan. Saya yakin dia mampu mengutip pingat emas sekalipun tidak berlatih bersama-sama kami."

Difahamkan, Kelantan mungkin menyenaraikan pemenang-pemenang pingat emas Kejuaraan Jemputan Singapura, Adnan Isa dan Basri Abdul Rahman, jika masalah peribadi kedua-dua pesilat itu dapat diatasi.

Kedua-dua pesilat itu layak disenaraikan kerana belum pernah menyertai Sukan SEA seperti



■ SAZALI SAID

syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa penganjur Sukma.

Mohd Noor berkata, pihaknya hanya dapat menyenaraikan tiga pesilat wanita saja kerana kebanyakan mereka menghadapi peperiksaan SPM dan STPM.

Bagaimanapun katanya, harapan untuk mengutip pingat emas tetap ada terutama berdasarkan kesungguhan Wan Hasnah Wan Ahmad iaitu adik kepada pesilat kebangsaan, Wan Amizah.

Mat Yani mengetuai cabaran pesilat Perlis

SEMILAN pesilat ^{PENCAK SILAT} olahraga termasuk dua wanita akan mewakili Perlis ke Sukan Malaysia di Kuala Lumpur, kata Pengurus pasukan silat olahraga negeri itu, Abu Seman Mat Zain. ^{OKM}

Menurutnya, latihan awal di Gelanggang Budaya Kangar, yang bermula Jun lalu itu bertujuan memastikan mereka dapat mencapai tahap membanggakan dan sekaligus mengharumkan nama negeri. ^{OKM}

Sementara itu, pemenang pingat gangsa di Kejohanan Silat Olahraga Kebangsaan baru-baru ini, Mat Yani Saad, akan mengetuai cabaran Perlis yang dijangka dapat memperbaiki persembahannya di Sukma kali ini.

Abu Seman percaya, dengan berbekalkan pengalaman, Mat Yani akan dapat memberi sesuatu kepada pasukan Perlis dalam acara silat olahraga yang disebarkan dalam kejohanan itu tahun ini.

23 OCT 1988

Bagaimanapun, Perlis kehilangan seorang pemenang pingat gangsa wanita, Che Rosni Osman yang tidak dapat menyertai Sukma kerana menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).